

Bekas speaker Perak gesa kerajaan henti gaji penyelaras Parlimen BN
Malaysian Insider
July 26 , 2013
Oleh Diyana Ibrahim

V Sivakumar menggesa kerajaan menghentikan pembayaran gaji kepada penyelaras kawasan Parlimen yang kalah bagi Barisan Nasional (BN) serta-merta kerana jumlah RM 35.5 juta dibelanjakan oleh kerajaan itu kerana kepentingan politik semata-mata.

Ahli Parlimen Batu Gajah itu turut mempersoalkan kewajaran membayar gaji kepada penyelaras kawasan Parlimen BN yang kalah kerana menganggapnya tidak masuk akal.

"Ia adalah satu pelantikan politik kerana dibuat oleh wakil BN dan bukan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam," kata bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak semasa Pakatan Rakyat (PR) mentadbir negeri Perak dahulu.

"Tambah mencurigakan apabila kerajaan tidak mengetahui atau mempunyai rekod bagaimana wang yang dibayar itu dibelanjakan oleh penyelaras kawasan Parlimen terbabit," katanya.

Katanya, isu pemberian gaji merupakan satu lagi penyalahgunaan kuasa Kementerian Kewangan apabila wang kutipan cukai daripada rakyat digunakan bagi tujuan politik BN.

"Tidak salah kalau parti politik melantik penyelaras kawasan Parlimen dan dibayar gaji daripada dana politik masing-masing.

"Tetapi, membayar gaji mereka melalui dana kerajaan adalah satu salah laku dan penyelewengan yang harus dielakkan," katanya.

Menurut Sivakumar, kerajaan terpaksa membayar gaji kepada semua 89 penyelaras Parlimen di kawasan yang BN tewas iaitu sebanyak RM557,585 setiap bulan menjadikan beban yang terpaksa ditanggung kerajaan dalam tempoh lima tahun adalah RM 33, 445,100. – 26 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekas-speaker-perak-gesa-kerajaan-henti-gaji-penyelaras-parlimen-bn>